

18 DEC 1996

TMT-JKKK

JKKK DIMINTA JAYAKAN TAHUN LAWAT TERENGGANU

KUALA TERENGGANU, 18 Dis (Bernama) -- Anggota Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) disaran membantu kerajaan dalam menjayakan Tahun Melawat Terengganu (TMT) yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 31 Dis ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan negeri, Datuk Ibrahim Awang berkata anggota JKKK boleh menjelaskan kepada rakyat tentang tujuan kerajaan mengadakan TMT itu.

"TMT bukan untuk pesta tari menari tetapi untuk menarik pelancong supaya berkunjung ke negeri ini," katanya pada majlis penyampaian hadiah pertandingan logo JKKK peringkat negeri di sini hari ini.

Ibrahim berkata TMT dijangka dapat menarik kira-kira dua juta pelancong tempatan dan asing dan kehadiran mereka akan memberi sumbangan ekonomi kepada rakyat negeri ini.

Beliau meminta anggota JKKK supaya membantu mengindah dan menjaga kebersihan kampung mereka bagi tarikan pelancong.

Ibrahim berkata JKKK hendaklah memandang TMT sebagai satu acara besar bagi negeri ini kerana kerajaan telah membelanjakan kira-kira RM2 juta untuk promosi TMT.

Beliau berkata kira-kira 10 acara antarabangsa akan diadakan sepanjang tahun depan termasuk Jambori Pengakap Asia Pasifik, Kejohanan Silat Nusantara, pertandingan bunga api dan pertandingan kucing cantik.

Sementara itu, penuntut Institut Teknologi Mara (ITM) Johor, Khairul Hafiz Hanafi diisytihar sebagai pemenang tempat kedua pertandingan itu untuk memenangi hadiah RM2,000. Tiada pemenang tempat pertama bagi pertandingan itu. -- BERNAMA

IB AKD